



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 25 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY SANTUNI ANAK YATIM PADA MAJLIS IFTAR SINAR KASIH YKN	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2282300	BERNAMA.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1227420/rai-golongan-kurang-bernasib-baik-pada-ramadan-hulur-sumbangan-untuk	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2282302	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/nancy-santuni-anak-yatim-pada-majlis-iftar-sinar-kasih-ykn-ME12254967	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SUNWAY SINAR RAMADAN 2024 CERIAKAN ORANG KURANG BERNASIB BAIK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1073385/sunway-sinar-ramadan-2024-ceriaikan-orang-kurang-bernasib-baik	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	WELFARE DEPT: BEGGARS CAN 'EARN' RM42 IN JUST 15 MINUTES [NSTTV]	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1029738/welfare-dept-beggars-can-earn-rm42-just-15-minutes-nsttv	NST.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=peul_B-Jr6I	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	GIVE PRIORITY IN GRANTING CITIZENSHIP TO CHILDREN IN WELFARE HOMES, SAYS S'WAK MINISTER	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/24/give-priority-in-granting-citizenship-to-children-in-welfare-homes-says-s039wak-minister	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

25/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	MINDEF SEDIA BERI KERJASAMA KES ANGGOTA LAKUKAN KEKASARAN	
	https://www.melakahariini.my/mindef-sedia-beri-kerjasama-kes-anggota-lakukan-kekasaran/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	POLIS SIASAT 'CHILD GROOMING' ANTARA GURU DAN PELAJAR	
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/24/polis-siasat-child-grooming-antara-guru-dan-pelajar/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1073429/polis-siasat-guru-wanita-bercinta-dengan-pelajar	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/guru-wanita-terbabit-salah-laku-seksual-bersama-murid-disiasat/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1227336/polis-siasat-guru-wanita-bercinta-dengan-pelajar	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1073475/guru-wanita-itu-ada-suami-dan-anak-mesti-dicegah-bercinta-dengan-pelajar-pibgn	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/polis-siasat-guru-wanita-didakwajalin-hubpolis-siasat-guru-wanita-didakwajalin-hubungan-dengan-pelajarungan-dengan-pelajar/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/656305/berita/semasa/polis-siasat-dakwa-an-guru-bercinta-dengan-pelajar-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY



NANCY SANTUNI ANAK YATIM PADA MAJLIS IFTAR SINAR KASIH YKN



24/03/2024 09:09 PM

KUCHING, 24 Mac (Bernama) – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyantuni kira-kira 200 anak yatim dan golongan asnaf pada majlis Iftar Sinar Kasih Ramadan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Beliau berkata majlis itu yang dianjurkan sempena bulan Ramadan bukan sahaja bagi meraikan golongan yang kurang bernasib baik malah menyediakan peluang untuk menghulurkan sumbangan dan bantuan kepada mereka sebagai persediaan menyambut Hari Raya.

"Kehadiran Ramadan sebagaimana kita semua sedia maklum adalah sarat dengan kemuliaan dan keberkatan. Justeru amat rugi jika kita tidak menghargai atau menyambutnya dengan pengisian sewajarnya dengan kelebihan Ramadan itu sendiri," katanya ketika berucap pada majlis itu di sini malam ini.

Nancy berkata kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan dan keperluan setiap golongan masyarakat di negara ini.

"Saya menyeru kepada para penyumbang daripada korporat, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan untuk bersama YKN membantu mereka yang memerlukan.

"Penglibatan para penyumbang melalui platform tanggungjawab sosial korporat dengan YKN membolehkan lebih ramai lagi golongan sasaran dapat dibantu," katanya.



TAJUK : SUNWAY GROUP BRINGS 'SINAR RAMADAN' CHEER TO UNDERPRIVILEGED COMMUNITIES

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 MAC 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nancy (third left) witnesses as Razman (second left) presents a contribution to a representative of a recipient organisation. — Bernama photo

Sunway Group brings 'Sinar Ramadan' cheer to underprivileged communities

GEORGE TOWN: Sunway Group is embarking on a culinary journey, cooking traditional dishes, spreading smiles and sharing Raya cheer with over 4,000 people from underprivileged communities in Malaysia through its Sunway Sinar Ramadan 2024 programme.

Its deputy chairman Tan Sri Razman M. Hashim said the programme, organised in conjunction with Sunway Group's 50th anniversary this year, will see five events taking place across five states over two weeks, bringing household celebrities and non-governmental

organisation partners together on a mission to give back to society throughout the holy month.

The Sunway Sinar Ramadan 2024 has gone to Johor, Perak and Penang, and will next be held in Terengganu and Selangor.

"Our philosophy has always been to also do good and not only do well. There is no point in doing well if we do not bring any good to the community," he told reporters after attending the programme here Saturday night.

He said Sunway Group has been advocating equal access to education and the group has spent close to RM670 million in

giving out university scholarships so far.

He added Sunway Group believes that education is the quickest way out of poverty and would continue to give out scholarships.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who was present, hoped that more corporations would emulate Sunway Group and partner with the government, particularly through Yayasan Kebajikan Negara (YKN), in carrying out corporate social responsibility initiatives. — Bernama



Sunway Sinar Ramadan 2024 ceriakan orang kurang bernasib baik

BERNAMA



Nancy Shukri (lima dari kiri) menyaksikan Razman M (empat dari kiri) menyampaikan kotak makanan 'SunwayForFood' Food Bank kepada Timbalan Presiden Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM), Tan Sri Dr. FOTO MIKAIL ONG

Georgetown: Kumpulan Sunway mencerikan lebih 4,000 komuniti kurang bernasib baik melalui program Sunway Sinar Ramadan 2024 dengan menjamu pelbagai hidangan tradisional demi menyemarak keceriaan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Naib Pengerusinya Tan Sri Datuk Seri Razman M Hashim berkata, sempena ulang tahun ke-50 Kumpulan Sunway tahun ini, program itu akan menyaksikan lima acara diadakan di lima negeri sepanjang tempoh dua minggu, dengan menghimpunkan selebriti tempatan dan rakan kongsi badan bukan kerajaan (NGO) dalam misi untuk menyumbang kembali kepada masyarakat sepanjang Ramadan ini.

"Falsafah kami bukan sekadar mengecapi kejayaan, malah sentiasa berbuat baik. Tidak ada gunanya berjaya jika kita tidak membawa kebaikan kepada komiuniti.

"Kumpulan Sunway percaya pendidikan jalan paling cepat untuk keluar daripada kemiskinan dan berharap dapat terus memberikan biasiswa dalam tahun akan datang," katanya selepas program Sunway Sinar Ramadan 2024, di sini, malam tadi.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Program Sunway Sinar Ramadan 2024 sudah dijalankan di Johor, Perak serta Pulau Pinang dan akan diteruskan ke Terengganu dan Selangor.

Sunway Sinar Ramadan 2024 adalah program tanggungjawab korporat di mana pelakon yang juga Selebriti Sokongan Riben Merah Majlis AIDS Malaysia (MAF) Datuk Aaron Aziz turut dijemput memeriahkan majlis.

Sementara itu, Aaron berkata, ini adalah kerjasama pertama MAF dengan Kumpulan Sunway dengan kedua-dua pihak bekerjasama dalam beberapa projek di seluruh negara.

Menurutnya, ia sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang HIV/AIDS dan memerangi stigma mengenainya.

"Saya telah menjadi Selebriti Sokongan Riben Merah selama lebih sembilan tahun dan pendidikan tentang HIV/AIDS adalah penting terutamanya untuk remaja agar mereka dapat membuat keputusan yang lebih baik, apabila bermaklumat.

"Kami juga berharap untuk memerangi stigma sekitar HIV/AIDS dan kami berharap syarikat-syarikat tidak akan mendiskriminasi pesakit-pesakit ini," katanya.



Welfare Dept: Beggars can 'earn' RM42 in just 15 minutes [NSTTV]

By Fairul Asmaini Mohd Pilus - March 24, 2024 @ 10:40am



KUALA LUMPUR: In just 15 minutes, a beggar could easily receive RM42 in donations in the heart of Kuala Lumpur, turning the generous nature of the people into a lucrative opportunity for beggars.

For decades, Malaysia has been considered a 'treasure trove' for many foreigners who seize the opportunity to earn easy income by begging. They enter Malaysia as tourists using international passports and then turn to begging.

In an interview with Harian Metro's Kafe Ahad, Social Welfare Department (JKM) director-general Norazman Othman said the beggars would employ various tactics, including using babies to garner sympathy from the public to gain more money.

"Based on JKM's experience in handling beggar operations, there are a few beggars who use children or babies to garner sympathy from the public.

"Among them are cases where the children or babies are disabled, and there are also instances where beggars pretend to be visually or physically impaired or pretend to be patients using medical equipment such as urine bags, wound dressings on their legs or hands, and so on," he said.

Last week, it was reported that foreign syndicates who travel to Malaysia on tourist visas with valid international passports have resorted to 'renting children' from friends to beg in this country.

Norazman revealed that a total of 2,526 operations were conducted nationwide in the last five years to retrieve destitute persons on the streets, including beggars.

"Addressing the issue of begging requires action by various government enforcement agencies and not solely by the JKM, considering that Social Welfare Officers and JKM have limited authority under the Destitute Persons Act 1977.

"In addition to the Missing Persons Act 1977, there are several other acts in force to address the issue of begging, namely the Immigration Act 1959/1963, National Registration Act 1959, Mental Health Act 2001, Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988, Minor Offences Act 1955, Poisons Act 1952, Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, House to House and Street Collections Act 1947, Local Government Act 1976, and National Security Council directive No. 23: Policy and Mechanism for the Management of Refugees and Asylum Seekers," he said.

Norazman called on the community to collectively help in combating the issue of begging by refraining from giving donations to them, thus reducing begging activities.

The Social Welfare Department, he added, does not have specific statistics on the number of beggars recorded during Ramadan. Based on observations, beggars, regardless of nationality, tend to concentrate more at main mosques and shopping areas because the public is more open to giving alms on certain days or months in accordance with Islamic teachings, as giving to charity is highly encouraged especially on Fridays and during Ramadan.

However, the department continuously conducts advocacy programmes through the Begging Awareness and Prevention Campaign as a long-term strategy to raise awareness among the public, and the commitment of the community is needed to refrain from giving alms or contributions to beggars.

Through this campaign, it is hoped that the government's efforts to eradicate begging activities will be successful and thereby prevent it from proliferating.

Regular actions to pick up destitute individuals in crowded areas are also frequently carried out.

The public, Norazman advised, should channel their alms or donations to the appropriate channels such as welfare homes, registered volunteer welfare organisations, charity organisations, places of worship, and the National Welfare Foundation.


Based on the statistics from 'Action Taken in Cases of Destitute Persons' by type of operation and state (from 2019 to 2023), in 2019, a total of 2526 operations were conducted nationwide involving three types of operations, namely integrated, scheduled or periodic, and unscheduled or non-periodic.

Throughout 2020, 1547 operations were carried out, while in 2021, 1447 operations were conducted nationwide.

In 2022, 846 operations were carried out, while last year, 1182 operations were implemented nationwide involving all relevant operation categories.



A person is seen seeking donations at Ramadan Bazaar in Kuala Lumpur. - NSTP file pic



Give priority in granting citizenship to children in welfare homes, says S'wak minister

By ANDY CHUA

SABAH & SARAWAK

Sunday, 24 Mar 2024

10:32 AM MYT



SIBU: Children and infants in welfare homes should be given priority in obtaining citizenship, says a Sarawak minister.

Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah (*pic*) urged the Home Ministry to give special consideration to their cases.

She noted that many underage residents of welfare homes were still stateless, despite some of them having birth certificates.

"We have communicated this to the Home Minister (Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail) in committee meetings over Federal Constitution Clause 15A where we requested special (attention to) children in welfare homes.


"This is especially for abandoned babies where we have no way of tracing their parents and citizenship," she said at the Hari Raya Plaza Merdeka launch event in Kuching on Saturday (March 23).

She said Saifuddin had approved her ministry's request to grant citizenship status to seven children in Sarawak welfare homes.

"Alhamdulillah, the Minister has taken our appeal seriously and approved all citizenship applications for these children.

"Four have already received their citizenship certificates while three more are waiting for theirs," she added.

Fatimah said that potential adoptive parents could now apply to adopt these children without encountering issues.



TAJUK : KEJAYAAN WANITA PACU KEMAJUAN NEGARA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 25 MAC 2024

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kejayaan wanita pacu kemajuan negara

Gamuda pupuk budaya kerja galak kesaksamaan penyertaan pekerja tanpa mengira jantina

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bnnews@bh.com.my

Sasaran kerajaan untuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam pelbagai sektor di negara ini kepada 60 peratus berbanding 56.3 peratus ketika ini sewajarnya disokong dan diangkat oleh semua pihak termasuk syarikat dan perniagaan.

Menurut Pengerusi Kelab 30 peratus Malaysia, Datuk Ami Moris pada Oktober tahun lalu, Malaysia akan dapat menjana tambahan 36 peratus dalam Kewangan Dalam Negara Kasar (KDNK), bersamaan dengan penambahan AS\$200 bilion (RM955 bilion), jika penyertaan wanita dalam tenaga kerja menyamai lelaki.

Justeru, bagi menyahut saranan kerajaan berkenaan, syarikat kejuruteraan terkemuka di rantau ini, Gamuda Bhd turut tidak ketinggalan dalam usaha memperkasakan wanita di tempat kerja.

"Di Gamuda, kami menyedari kepentingan untuk memupuk budaya tempat kerja yang menghargai kepelbagaian, menggalakkan kesaksamaan dan memastikan penyertaan untuk semua pekerja, tanpa mengira jantina.

"Berakar umbi dalam DNA dan tercermin dalam komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) kami, kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memajukan kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman (DEI).

"Ini dapat dilihat dalam syarikat kami yang mana 1,588 pe-

kerja wanita di seluruh kumpulan membentuk 38 peratus daripada jumlah tenaga kerja kami pada tahun kewangan 2023, meningkat daripada 36 peratus pada tahun sebelumnya," katanya.

Tambahnya, di peringkat Lembaga Pengarah, empat daripada tujuh ahli mereka adalah wanita yang menyaksikan peningkatan kepada 57 peratus Tahun Kewangan 2023 berbanding 43 peratus pada Tahun Kewangan 2022 dan Tahun Kewangan 2021.

"Di semua peringkat (pengurusan, eksekutif dan bukan eksekutif), wanita membentuk lebih daripada 30 peratus tenaga kerja.

"Malah, kami telah menganugerahkan sejumlah 83 biasiswa kepada wanita dalam tempoh tiga tahun lalu berbanding 68 biasiswa kepada lelaki, bersamaan purata 55 peratus daripada jumlah biasiswa," katanya.

Tokoh wanita beri inspirasi

Mengambil contoh Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, Gamuda, Raja Datuk Seri Eleena Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfirah yang merupakan antara tokoh wanita yang memberi inspirasi dan dihormati secara meluas di Gamuda.

Beliau telah menjadi penaung Rangkaian Pemerkasaan Wanita Gamuda (GWEN) di Gamuda sejak 2018. Selama lebih 30 tahun, beliau telah menyumbang secara signifikan kepada Lembaga Pengarah dengan pengalamannya yang luas dan memainkan peranan penting dalam memperjuangkan DEI dalam kumpulan syarikat Gamuda.

Raja Eleena berkata, perspektif yang pelbagai pada peringkat membuat keputusan membawa kepada penyelesaian masalah yang lebih komprehensif, inovatif dan pemahaman yang lebih baik mengenai keperluan perniagaan kita.

"Apabila wanita diberi kuasa dalam peranan ke-



Raja Datuk Seri Eleena (empat dari kiri) bersama kakitangan yang juga penerima biasiswa Gamuda.

pemimpinan, ia meningkatkan semangat pekerja, menarik bakat terbaik dan memacu prestasi kewangan yang lebih baik.

"Selain itu, *mentorship* adalah penting dalam menawarkan bimbingan, sokongan dan peluang rangkaian untuk wanita dari semua lapisan masyarakat. Ini boleh membantu mereka mengaharungi cabaran, membangunkan kemahiran dan memajukan kerjaya mereka," katanya.

Ditanya apakah cabaran utama dalam memastikan kumpulan bakat yang luas untuk peranan kepimpinan, beliau berkata, mengatasi halangan sistemik dan berat sebelah yang menghadkan peluang untuk wanita dan kumpulan lain yang kurang diwakili.

"Organisasi mesti melaksanakan strategi proaktif untuk mengenal pasti dan mengurangkan halangan ini.

"Selain itu, kita perlu memupuk budaya keterbukaan, hormat-menghormati dan keterangkuman di semua peringkat organisasi. Ini termasuk menetapkan matlamat kepelbagaian yang jelas, memastikan pemimpin bertanggungjawab untuk memajukan kepelbagaian dan keterangkuman dan mewu-

judkan peluang untuk suara yang pelbagai didengar dan dihargai," katanya.

Ruang tonjol potensi

Dalam pada itu Penolong Pengurus Alam Sekitar Gamuda Razzana Rosli, berkata walaupun industri pembinaan banyak tertumpu kepada lelaki sebelum ini, namun masa kini sudah berubah dan terdapat banyak ruang untuk wanita menonjolkan potensi mereka.

"Jangan biarkan stereotaip atau tanggapan prasangka menghalang anda. Kita semua adalah sama dalam soal pengetahuan dan kepakaran, tanpa mengira jantina.

"Seperti saya di projek, saya mengurus inisiatif kemampuan projek kami untuk mencapai pensijilan BREEAM. Perjalanan saya ke arah menjadi penilai BREEAM bertauliah adalah mencabar tetapi pada masa sama mendatangkan kepuasan.

"Ia membolehkan latihan dan kepakaran yang meluas dalam amalan kelestarian. Selepas menamatkan latihan saya dengan Akademi BRE pada Mac, saya berupaya untuk melatih pekerja lain, memanjangkan kesan usa-

ha kemamparan di seluruh organisasi kami," katanya.

Sebagai seorang profesional dalam industri pembinaan dengan pengalaman selama tujuh tahun, beliau mengemudi industri dengan semangat untuk kemamparan.

Kepakaran beliau merangkumi pengurusan pihak berkepentingan, pengurusan alam sekitar, dan kini sebagai Ketua Unit QSHE dan Kelestarian.

Mengulas lanjut Razzana berkata, mendapatkan pensijilan sebagai penilai BREEAM adalah satu peristiwa penting dalam perjalanan kerjaya beliau.

"Selain memenuhi tuntutan peribadi, saya melihat pencapaian ini sebagai pemangkin untuk pertumbuhan dan pembangunan profesional. Dengan mengemulakan kepakaran saya dalam amalan kemamparan dan proses pensijilan, saya bukan sahaja akan memajukan kerjaya saya sendiri tetapi juga memainkan peranan penting dalam memacu projek kami ke arah kemamparan yang lebih besar.

"Selain itu, peluang untuk berkongsi dan memperkasakan orang lain dalam bidang ini selaras dengan aspirasi kerjaya jangka panjang saya.


"Dalam peranan saya, saya bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak daripada kontraktor, jurutera, pereka bentuk dan jururunding yang mana kebanyakannya adalah lelaki dan saya mendapati persekitaran kerja di sini amat menyokong.

"Kami saling menghormati dan memahami dalam berinteraksi. Kami berkongsi matlamat yang sama untuk memajukan agenda kemamparan projek kami. Dengan mengiktiraf kepakaran dan sumbangan masing-masing, kami memupuk persekitaran kerja yang sihat di mana pelbagai perspektif dihargaan dan dihormati," katanya.



Razzana Rosli,
Penolong Pengurus Alam Sekitar Gamuda

"Saya bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak daripada kontraktor, jurutera, pereka bentuk dan jururunding yang mana kebanyakannya adalah lelaki dan saya mendapati persekitaran kerja di sini amat menyokong"



TAJUK : **HELPING HAND FOR SINGLE MOTHERS**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **25 MAC 2024**

M/SURAT : **11**

STONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Helping hand for single mothers

Rumah Kita opens its doors to expectant women of all class, race or religion

By **BENJAMIN LEE**
benlkh@thestar.com.my

PETALING JAYA: To address the plight of abandoned and unwanted babies, four mothers have banded together to help single mothers deal with the challenges of unwanted pregnancies.

Despite having full-time jobs and children of their own, the four women who run the non-profit organisation Rumah Kita devote their efforts every day to supporting and sheltering single women so that they can successfully carry through their pregnancy and become mothers.

"Our mission is to reduce the occurrence of baby dumping within the community and to change the stigma within society that regards pregnant women without husbands as an embarrassment and burden to their families and society.

"Being mothers, we all understand the challenges of giving birth and raising children, and we want to help those who have to do it alone," said Cecily Andrews Fourrier, who is in charge of Rumah Kita's public relations and communications.

The stigma associated with unmarried women getting pregnant often causes these mothers to abandon their babies, with the most recent case being a newborn girl found abandoned on a staircase at an apartment in Johor Baru.

According to the police, there were 256 cases of abandoned babies between 2020 and 2022. This was up from 128 cases in 2018 and 125 cases in 2019.

Since its founding in 2015, Rumah Kita has provided temporary housing, essential mother-baby supplies, and emotional support for pregnant single women who are either turned

away or unable to get support from their own families.

It also provides these mothers access to safe delivery at hospitals or clinics, prenatal and postnatal healthcare, as well as birth registration with the National Registration Department.

To date, the organisation has aided 384 babies and their mothers, while 80% of these women have gone back to their families.

Leading the way is Suraya Razak, who manages the care home full-time in Kuala Lumpur in honour of her late sister and organisation founder, Vimmi Razak, who died in 2018.

Besides Suraya and Fourrier, who is a certified emotional intelligence practitioner, the other members are catering company owner Mardina and fashion designer Wendy Ng, all of whom are volunteers.

Besides caring for the residents,

the four want to change society's negative view of women with unplanned pregnancies by training their charges on how they can carve out a new independent life for themselves as single mothers.

This involves giving the residents emotional support and professional advice, not only to overcome the challenges of carrying through their pregnancy and raising their child, but also to find jobs that can sustain them 100 days after childbirth.

"Rumah Kita will also continue to support single mothers if they are unable to get on their feet after 100 days," said Fourrier.

"If a mother is still unable to sustain herself or her family still can't accept them, we will allow her to stay longer until she is able to do so before leaving the home.

"We refuse to abandon these women in need. We want them to reclaim their lives and be able to

confidently raise their child," she said.


The home is open to all women in need, regardless of religion, race or class, including stateless and foreign mothers.

Through cooperation with the Welfare Department, the organisation identifies women in need across the country and arranges for them to be brought home.

"We even drive these women to the home if their family is unable to arrange for them to get here. We have even arranged and paid for airfare to fly women from East Malaysia, although this is not common," said Cecily.

These costs are in addition to the RM21,000 per month that is used to pay for the home's rent, utility bills, baby supplies, maintenance and fuel, groceries and healthcare.

For details, visit Rumah Kita at www.ngorumahkita.com



TAJUK : MENYANTUNI ANAK-ANAK YATIM ADALAH TINDAKAN MULIA: ISKANDAR

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 MAC 2024

M/SURAT : 05

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Menyantuni anak-anak yatim adalah tindakan mulia: Iskandar

BINTULU: Menyantuni anak-anak yatim adalah tindakan mulia supaya keperluan dan kebajikan anak-anak ini sentiasa terjaga dalam keadaan mereka menghadapi pelbagai cabaran.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jepak Iskandar Turkee berkata, usaha badan kerajaan menyantuni golongan itu merupakan usaha murni kerana tahu keadaan anak-anak yatim, kehidupan dan keluarga mereka.

Begitupun, anak-anak yatim perlu bersyukur kerana disantuni oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan dipilih memasuki institusi kebajikan ini (Kompleks PESRYATIM) supaya keperluan mereka sentiasa



RAI RAMADAN: Anak-anak yatim, penganjur dan Pengurusan Kompleks PERYATIM Jepak bersama Iskandar (duduk tengah) di Bintulu kelmarin.

terjaga.

"Satu-satunya dibuat Badan Kebajikan Pekerja Islam (BKI) mendapatkan

sumbangan untuk anak-anak yatim, saya yakin dan doakan anak-anak yatim menjadi orang berjaya dunia dan

akhirat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Berbuka Puasa bersama PERYATIM Bintu-

lu anjuran BKI Pejabat Residen dan Daerah Bintulu di Kompleks Kebajikan Anak-Anak Yatim (PERYATIM)

Bintulu di Kampung Jepak di sini petang kelmarin.

Katanya, anak-anak yatim perlu mengambil peluang berusaha mencapai kejayaan dengan peluang diberikan dalam keadaan kebajikan mereka lebih terjaga di kompleks tersebut.

"Anak-anak yatim boleh dibentuk menjadi insan cemerlang dengan doa dan sumbangan diberikan," jelasnya sambil menambah, beliau sentiasa menyokong pengurusan PERYATIM dan berusaha membantu anak-anak yatim.


Iskandar berkata, beliau bersyukur kerana dapat bersama dengan anak-anak yatim pada program itu serta yakin komitmen ditunjuk BKI bukan hanya

di sini malah menyumbang kepada golongan lain yang tidak berkemampuan.

"Saya sanggup bekerjasama dengan BKI untuk kita menganjurkan program menyantuni golongan B40 atau asnaf," katanya sambil menambah, ia adalah kerja ibadah menambah saham akhirat serta mendapat nikmat dan keberkatan.

Program itu turut menyaksikan penyampaian sumbangan makanan asas dan duit raya kepada 60 anak yatim yang menghuni Kompleks PERYATIM Jepak.

Hadir sama Pengerusi BKI Pejabat Residen dan Daerah Bintulu Raden Azamry Raden Perhan dan Pengurusan Kompleks PERYATIM Jepak.



TAJUK : SERAMAI 600 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN BAKUL KASIH RAMADAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 MAC 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



BERBAHAGI REZEKI: Penerima bantuan sumbangan Bakul Kasih di Kampung Pulau Melayu, Miri kelmarin.

Seramai 600 keluarga terima sumbangan Bakul Kasih Ramadan

MIRI: Seramai 600 keluarga terdiri daripada ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kurang berkemampuan di enam kampung di sini iaitu Kampung Pulau Melayu, Lereng Bukit, Haji Wahid, Wireless, Luak dan Senadin Jaya bakal menerima sumbangan Bakul Kasih.

Program Sumbangan Bakul Kasih, Bubur Lambuk dan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pemimpin sempena Ramadan 2024 dianjurkan oleh Liansin Trading Sdn Bhd dan Tong Seng Huat Rice Trading Sdn Bhd dengan kerjasama Persekutuan Persatuan Wartawan Sarawak (FSJA).

Program ini mendapat sumbangan dan sokongan

daripada Liansin Trading dan Tong Seng Huat Rice Trading, menyumbang 600 kampil beras lima kilogram, gula dan tepung, Sarawak Oil Palms Berhad menyumbang 600 botol 500 milimeter Merris Pure Lite Vegetable Oil dan Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting menyumbang 600 pek bekalan makanan kering, beras dan angpau.

Simbolik pelancaran program itu dirasmikan di lokasi pertama, Kampung Pulau Melayu oleh Ting pada Jumaat lalu dengan seramai 82 keluarga menerima bantuan.

Menurut Ting, penganjuran program itu bagi men-

ghulurkan sedikit bantuan kepada golongan masyarakat memerlukan tanpa mengira kaum dan agama.

"Melalui usaha ini, kita dapat membantu golongan memerlukan dari segi pemberian makanan kering termasuk beras, gula, tepung dan sebagainya untuk meraikan perayaan.

"Ini merupakan satu inisiatif baik melibatkan orang ramai bersama melakukan perkara baik pada bulan Ramadan ini," katanya berucap pada majlis tersebut.


Dalam pada itu, Ting berkata program itu diadakan setiap tahun meraikan perayaan semua orang tanpa mengira bangsa atau agama dan membantu mereka yang memerlukan bantuan.

"Inilah keunikan kehidupan rakyat di Sarawak. Ia adalah landasan memupuk semangat kewarganegaraan antara satu sama lain dan keharmonian, perpaduan serta rasa hormat-menghormati.

"Masyarakat Sarawak terdiri daripada pelbagai etnik dan kumpulan agama berbeza mampu hidup bahagia antara satu sama lain dan bersama meraikan perayaan," jelasnya.

Ting turut berterima kasih kepada semua penaja terlibat memberi sumbangan bagi menjayakan program tersebut.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Tong Seng Huat Rice Trading, Tan Bong Bu dan Presiden FSJA Andy Jong,



ADLY bercakap kepada pemberita pada majlis berkenaan.

MINDEF sedia beri kerjasama kes anggota lakukan kekerasan

NORAFIQAH JAMAL
AHAD, 24 MAC 2024 @ 12:42

Masa Membaca: 1 Minit, 25 Saat

DURIAN TUNGGAL 24 Mac – Kementerian Pertahanan (MINDEF) sedia memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat anggota terlibat dengan kekerasan.

Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari berkata, kerjasama akan diberikan sebaik mendapat laporan mengenai sebarang salah laku khususnya membabitkan kes keganasan rumah tangga.

Menurut beliau, bagi kes-kes kekerasan membabitkan anggota di dalam kem tentera pula, siasatan dalaman akan dilakukan sebelum tindakan lanjut diambil.

“Kita akan pantau mengenai perkara ini kerana institusi kekeluargaan membabitkan anggota pertahanan sentiasa menjadi keutamaan MINDEF.

“Ini kerana kekeluargaan merupakan teras untuk setiap anggota melakukan tugas sebaik mungkin.

“Justeru, jika berlaku (kes-kes kekerasan), tindakan yang diambil ialah kita akan melakukan siasatan sekiranya ia berlaku di dalam kes, manakala jika ada laporan polis, kita sedia memberikan kerjasama,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Berbuka Puasa Bersama YB Adly Zahari di Dataran Gangsa di sini, malam tadi.


Sebelum ini, tular sebuah klip video mengenai seorang anggota tentera berpangkat Lans Koperal disyaki mengasari isterinya di sebuah flat di Sungai Udang.

Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Samah memaklumkan, kes itu berlaku 31 Disember tahun lalu dan kertas siasatan kes berkenaan kini berada di Bahagian Pendakwaan/Undang-Undang (D5) Bukit Aman.

Mengulas lanjut, Adly yang juga Ahli Parlimen Alor Gajah berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang akan sentiasa memberi peringatan dan didikan kepada anggota untuk bertanggungjawab bukan sahaja terhadap tugas, tetapi juga kepada keluarga.

“Anggota yang mempunyai sokongan keluarga adalah teras untuk melakukan yang terbaik kepada negara. Jadi, kira berharap jika ada isu dalaman, adalah lebih baik untuk diselesaikan secara dalaman terlebih dahulu.

“Namun, jika ia melibatkan pihak polis, kita akan menyerahkan kes itu kepada pihak polis,” katanya lagi.



TAJUK :	FEMALE TEACHER ALLEGEDLY GROOMED MALE STUDENT		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	25 MAC 2024	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

UNDER INVESTIGATION

Female teacher allegedly groomed male student

KUALA LUMPUR: Police have confirmed receiving a report of a female teacher who allegedly groomed her Form Five student.

Sepang district police chief Assistant Commissioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof, when contacted yesterday, said the report was lodged by a family member of the boy.


“The case is under investigation, with the case being investigated under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act,” he said.

Earlier, the boy’s relative, believed to be his sister, shared the incident on X.

In a series of posts, which had since been deleted, she claimed that the teacher had been meeting her brother, despite being asked not to do so.

She claimed that although the teacher was transferred to another school, the teacher and her brother still communicated and had secretly met recently.

The *New Straits Times* has reached out to the Education Ministry for comment.



TAJUK : 'BELUM INSAF...'

HARI : ISNIN

TARIKH : 25 MAC 2024

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 21

SEKTOR : KPWKM

'Belum insaf...'

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Ibu remaja lelaki terkilan guru kekal berhubung dengan anak

Sepang

"Saya sangka guru itu sudah insaf, malah tidak menyangka dia masih berhubung dengan anak saya," kata seorang wanita yang juga ibu kepada remaja lelaki didakwa menjalin hubungan intim dengan seorang guru wanita.

Katanya ketika dihubungi, dia memaklumkan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah menghubunginya untuk mengadakan pertemuan selepas kejadian itu tular.

"Kejadian itu berlaku sudah lama iaitu pada tahun lalu dan saya ingatkan guru terbabit sudah insaf.

"Selepas kisah ini tular, pihak menteri menghubungi saya untuk mengadakan pertemuan dan Insya-Allah, saya akan maklumkan fakta sebenar apa yang berlaku," katanya.

Pada masa sama, polis turut mengesahkan ada menerima laporan daripada keluarga remaja lelaki terbabit, malah remaja itu serta guru berkenaan juga sudah dirakam kenyataan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, laporan polis dibuat Disember tahun lalu.

"Semua pihak yang terbabit sudah dipanggil untuk dirakam percakapan.

"Polis sedang melengkapkan kertas siasatan dan akan dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat," katanya dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14,

Akta Kesalahan Seks Terhadap Kanak-Kanak 2017.

"Siasatan masih berjalan yang mana kertas siasatan sebelum ini sudah dihantar ke Bukit Aman," katanya.

Terdahulu, individu yang mendakwa saudara remaja terbabit mengatakan terpaksa menggunakan media sosial untuk meluahkan perasaannya berhubung kes itu.

Dalam luahannya di aplikasi X, dia memberitahu, ibu remaja terbabit sudah membuat laporan polis serta laporan berasingan kepada Pejabat Pendidikan Daerah.

Walaupun guru itu dipindahkan ke sekolah lain namun mereka mendakwa guru terbabit dan remaja itu masih berhubung dan pernah bertemu di pantai secara rahsia.

Bagaimanapun, dia kemudiannya menurunkan hantaran itu yang turut tular.

Guru wanita bercinta dengan pelajar tak sepatutnya berlaku

Kuala Lumpur: Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) menyifatkan tindakan seorang guru wanita sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang bercinta dengan pelajar lelaki berusia 17 tahun sebagai pelik, tidak sepatutnya berlaku dan perlu dicegah.

Presidennya, Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hasan berkata, ini disebabkan guru wanita terbabit mempunyai suami dan anak.

"Melainkan guru itu janda, mungkin boleh diberi laluan disebabkan hak kebebasan manusiawi. Tetapi oleh kerana dia masih ada suami dan anak, saya rasa perkara seperti ini tidak patut berlaku.

"Ia perlu dicegah, jangan dibiarkan dan diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian atau pihak sekolah," katanya dihubungi Harian Metro, semalam.

Beliau diminta mengulas tindakan seorang guru wanita SMK yang bercinta dengan pelajar lelaki berusia 17 tahun walaupun sudah bersuami dan memiliki lima anak.

Mengulas lanjut, Mohamad Ali berkata, laporan polis yang dibuat oleh keluarga pelajar terbabit juga dirasakan wajar kerana pihaknya kluatir gangguan dan kesan emosi terhadap pendidikan remaja itu.

"Remaja ini mungkin beranggapan ia sebagai cinta monyet. Tetapi cinta monyet ini luar biasa dan perlu dihalang," katanya.

Disebabkan itu, beliau

mencadangkan supaya satu pertemuan dibuat antara guru dan keluarga pelajar selain kedua-duanya menghadiri sesi kaunseling supaya insaf.

"Masa kedua-duanya agak terancam sekarang ini. Kaunseling itu bukan sahaja secara saintifik tetapi juga secara syariah.

"Ini bermakna, kita beri peluang kepada mereka untuk

insaf. Tidak menghukum secara terus tetapi memberi pemulihan.

"Kita harapkan pemulihan itu akan berlaku secara kekal dan mereka menjadi manusia yang baik serta menjadi contoh kepada semua," katanya.

"Melainkan guru itu janda, mungkin boleh diberi laluan disebabkan hak kebebasan manusiawi. Tetapi dia masih ada suami dan anak, saya rasa perkara seperti ini tidak patut berlaku"



Polis siasat 'child grooming' antara guru dan pelajar

Oleh AZMI NORDIN 24 Mac 2024, 2:30 pm



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR – Polis mengesahkan menerima laporan berhubung dakwaan seorang guru wanita melakukan pengantunan seksual (sexual grooming) terhadap pelajar lelaki berusia 17 tahun.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (DII) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, siasatan dijalankan sejak Disember lalu selepas keluarga remaja tersebut membuat laporan polis.

Menurutnya, semua pihak yang terbabit sudah dipanggil untuk dirakam percakapan termasuk remaja dan guru wanita berkenaan.

"Polis sedang melengkapkan kertas siasatan dan akan merujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang, Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14, Akta Kesalahan Seks Terhadap kanak Kanak 2017.

"Siasatan masih berjalan yang mana kertas siasatan sebelum ini dihantar ke Bukit Aman sebelum diarahkan meneruskan siasatan," katanya.

Terdahulu, tular dalam aplikasi X seorang pengguna mendedahkan perlakuan tidak bermoral seorang guru wanita bercinta dengan pelajar lelaki berusia 17 tahun.

Menurut hantaran itu, pendidik yang juga ibu lima anak tersebut sudah beberapa kali mendekati 'adiknya' sehingga laporan polis terpaksa dibuat selain aduan kepada Pejabat Pendidikan Daerah dilakukan.

Tidak terhenti di situ, individu yang didakwa saudara mangsa turut memuat naik rakaman video mereka berdua-duaan di sebuah pantai.

Bagaimanapun, individu tersebut kemudian menurunkan hantaran berkenaan selepas ia tular.

Sementara itu ibu remaja terbabit ketika dihubungi memaklumkan, Kementerian Pendidikan (KPM) sudah menghubunginya untuk mengadakan pertemuan selepas kejadian tersebut tular.

"Kejadian itu berlaku sudah lama (tahun lepas) dan saya sangka guru terbabit sudah insaf, namun dia masih berhubung dengan anak saya.

"Selepas kisah ini tular, pihak menteri sudah menghubungi untuk mengadakan pertemuan. Insya-Allah saya akan maklumkan fakta sebenar," katanya. – KOSMO! ONLINE